

KENYATAAN MEDIA

23 Jun 2016

UniMAP Hargai Penyelidik dan Atlit

Pauh Putra 23 Jun: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraikan penyelidik dan pasukan sukan yang meraih kejayaan dalam pameran penyelidikan dan kejohanan sukan tahun lalu.

Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, segala pencapaian yang diraih selama ini telah memberi impak yang besar kepada UniMAP.

“Kita mengambil serius dalam penghasilan produk dan jurnal yang memberikan impak kepada Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia atau Malaysia Research Assessment (MyRA).

“Ini kerana penghasilan jurnal penyelidikan berimpak tinggi adalah amat penting dalam usaha meningkatkan pencapaian universiti dalam MyRA serta membolehkan para penyelidik untuk bersaing dalam mendapatkan geran penyelidikan,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan, Sukan 2015 dan Anugerah Kecemerlangan Jurnal Berimpak 2014, di Dewan Kecemerlangan UniMAP, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Fo’ad Sakdan dan Pendaftar UniMAP, Zuber Mohamed.

Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan, Sukan 2015 dan Anugerah Kecemerlangan Jurnal Berimpak 2014 adalah kesinambungan Majlis Anugerah Seri Gemilang (ASG) UniMAP yang berlangsung pada Mac lalu.

Seramai 176 penyelidik dan sembilan pasukan sukan menerima insentif kecemerlangan berupa wang tunai dan sijil kecemerlangan.

Ujar Dato' Zul Azhar lagi, pada anugerah kali ini, insentif kewangan hanya diberikan kepada produk-produk yang berjaya meraih ingat emas dan Anugerah Khas serta menyertai pameran penyelidikan yang memberikan impak kepada MyRA.

Dikeluarkan Oleh :**Mohd Basri Basir (mbasri@unimap.edu.my)**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP